

## **ABSTRACT**

Title: *Kajian Tahap Pematuhan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) Terhadap Kontraktor yang Terlibat di Sektor Industri Padi dan Beras di Selangor*

Name: Muhammad.Syaidan.Bin Abdullah

Email: muhammad.syaidan [at] niosh. com. my

Year: December 2016

### Abstract:

*Isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dalam industri semakin mendapat perhatian penting terutamanya kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Objektif kajian ini adalah Mengenalpasti tahap pematuhan KKP dalam kalangan kontraktor yang terlibat dalam sektor industri padi dan beras, mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor dalam mematuhi peraturan-peraturan berhubung KKP di samping mencadangkan pelan penambahbaikan bagi meningkatkan tahap KKP di sektor industri padi dan beras. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif di mana melibatkan 40 syarikat kontraktor di sektor padi dan beras di Selangor. Kajian ini berjaya mengenalpasti masalah yang timbul utama iaitu komitmen pengurusan KKP dalam kalangan syarikat kontraktor sektor ini. Dalam pada itu tiga masalah utama yang dihadapi oleh syarikat kontraktor ini adalah kekurangan sumber kewangan, komunikasi kurang berkesan di antara syarikat dan pekerjanya dan kekurangan latihan yang bersesuaian dan mencukupi. Kajian ini turut mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam meningkatkan tahap pematuhan KKP melalui pelaksanaan kaedah pengurusan KKP dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.*